

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 22.07.2025 MASA: 10.15AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KURSUS PRA PERSARAAN
MBSP TAHUN 2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**26 JULAI 2025 (SABTU)
8.00 PAGI**

**HOTEL ADYA, KUAH
PULAU LANGKAWI, KEDAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Pengarah Sumber Manusia

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Barisan Penceramah

Para Peserta Pra Persaraan

Urusetia Kursus

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Majlis Perasmian Kursus Pra Persaraan MBSP Tahun 2025.**
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua hadirin yang hadir menjayakan kursus ini; khususnya kepada 26 orang bakal pesara, para penceramah serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Penghargaan turut saya zahirkan kepada penceramah jemputan termasuk pegawai daripada Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) yang sudi berkongsi ilmu dan pengalaman. Komitmen dan dedikasi semua pihak amat dihargai dan mencerminkan semangat kolaborasi serta profesionalisme yang tinggi dalam menjayakan program ini.
3. Percayalah, tidak semua orang berpeluang melangkah ke fasa persaraan dengan penuh rasa bangga dan bermaruah seperti tuan-tuan dan puan-puan. Kejayaan menamatkan perkhidmatan dalam

sektor awam setelah melalui pelbagai cabaran dan tuntutan tugas sepanjang perkhidmatan adalah satu manifestasi kecekalan, disiplin serta integriti perkhidmatan yang tinggi. Ini bukan sahaja satu pencapaian peribadi, malah menjadi contoh teladan kepada generasi penjawat awam yang masih berkhidmat.

4. Kursus yang dilaksanakan ini bukan sekadar memenuhi kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005, tetapi lebih daripada itu, ia adalah wadah yang signifikan dalam memberi pendedahan menyeluruh kepada bakal pesara mengenai aspek-aspek penting yang perlu diambil kira menjelang persaraan, dari segi peraturan dan dokumentasi, persiapan mental, psikologi, emosi dan kewangan.
5. Sesungguhnya, alam persaraan bukan titik noktah, tetapi titik mula kepada episod kehidupan yang lebih bebas, lebih bermakna dan lebih tenang. Ia memberi peluang untuk menumpukan perhatian kepada keluarga, kesihatan, ibadah serta minat dan hobi yang sebelum ini tertangguh atas tuntutan kerja dan tanggungjawab rasmi.
6. Maka, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat menggunakan kursus ini sebagai medan refleksi dan penambahbaikan, bukan sahaja untuk diri sendiri, bahkan sebagai ruang untuk menyampaikan pandangan, cadangan dan pengalaman bernilai hasil lebih 25 tahun

berkhidmat di MBSP supaya ia dapat dimanfaatkan demi kelangsungan kecemerlangan organisasi ini.

7. Saya amat berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat mengikuti setiap sesi yang telah disusun dengan penuh semangat, keterbukaan minda dan sikap yang proaktif. Manfaatkanlah ruang yang tersedia ini untuk mengajukan soalan, berkongsi pandangan dan mendalami topik-topik penting seperti pengurusan kewangan, manfaat persaraan, serta penjagaan kesihatan dari sudut jasmani dan rohani. Ilmu dan pencerahan yang diperoleh hari ini bakal menjadi bekalan berharga dalam menempuh fasa kehidupan yang baharu, lebih-lebih lagi dalam era yang penuh cabaran dan ketidaktentuan.
8. Saya juga ingin menzahirkan harapan agar tuan-tuan dan puan-puan akan terus menjadi individu yang berdaya sumbang meskipun telah menamatkan perkhidmatan secara rasmi. MBSP sentiasa mengalukan sebarang bentuk penglibatan, nasihat maupun perkongsian pengalaman daripada bekas warganya, demi memperkuuh budaya kerja cemerlang yang telah sekian lama terbina. Persaraan bukanlah pengakhiran, sebaliknya permulaan kepada satu episod baharu kehidupan yang lebih bebas, lebih tenang, namun tetap bermakna jika terus dimanfaatkan dengan sebaiknya.
9. Bak kata pepatah, "*Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.*" Nama dan jasa tuan-tuan dan puan-puan akan

terus terpahat dalam ingatan kami dan sentiasa menjadi sebahagian daripada sejarah dan kejayaan MBSP.

10. Akhir kata, saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan dikurniakan kesihatan yang baik, kebahagiaan yang berpanjangan dan kelapangan jiwa dalam menempuh alam persaraan nanti. Semoga segala ilmu yang diperoleh daripada kursus ini memberi manfaat yang besar kepada tuan-tuan dan puan-puan, serta menjadi panduan dalam menghadapi fasa kehidupan yang akan datang.
11. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Kursus Pra Persaraan MBSP Tahun 2025**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.